

Kerajaan yakin tingkat akses pendidikan tinggi

B.H m/s 2 3/10/07

Matlamat wujud masyarakat berpengetahuan dicapai akhir RMK-9

PUTRAJAYA: Kerajaan yakin matlamat meningkatkan akses pendidikan tinggi kepada 40 peratus generasi muda berusia 17 hingga 23 tahun bagi mewujudkan 'K-Komuniti' atau masyarakat berpengetahuan akan dicapai menjelang akhir Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata pada masa ini akses pendidikan tinggi kepada generasi berkenaan meningkat daripada 17 peratus kepada 30 peratus hasil kejayaan inisiatif pendemokrasian sektor pendidikan negara yang diperkenalkan pada pertengahan 1990-an.

"Alhamdulillah, usaha kerajaan ini akan membuahkan hasil," katanya pada majlis menaik taraf Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan Malaysia (KUTPM) kepada Universiti Sains dan Pengurusan (MSU), di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Pengerusi KUTPM, Tan Sri Prof Wan Mohd Zahid Mohd Noordin; dan Presiden KUTPM, Prof Datuk Mohd Shukri Ab Yajid.

Berikutan itu, kampus baru MSU bernilai RM250 juta akan dibina di Seksyen 13, Shah Alam, Selangor, dan dijangka siap menjelang 2009.

Najib berkata, usaha mewujudkan sesebuah universiti bukanlah perkara mudah kerana ia membabitkan pelbagai faktor dan pertimbangan yang mewajarkan penubuhannya.

"Kita tidak boleh membina sebuah universiti sekadar berdasarkan keadaan atau tuntutan semasa. Ia memerlukan kajian menyeluruh dan mendalam, bukan setakat memenuhi faktor bagi menampung keperluan tenaga manusia," katanya.

Najib berkata, universiti adalah gedung ilmu bagi melahirkan graduan



KEMUDAHAN PENDIDIKAN: Najib mendengar penerangan daripada Mohd Shukri mengenai model bangunan baru Universiti Sains dan Pengurusan pada majlis menaik taraf KUTPM kepada MSU di Putrajaya, semalam.

“Kerajaan berhasrat menggerakkan usaha transformasi sistem pendidikan negara pada semua peringkat dari prasekolah hingga ke pengajian tinggi”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

yang memiliki nilai 'hi-tech human touch' iaitu graduan yang bersedia menjadi anggota masyarakat berguna.

"Maka di persimpangan ini, penyarah mesti memainkan peranan yang bukan saja memberi ilmu dalam bidang khusus, tetapi pada masa sama, mementingkan aspek kemanusiaan dalam pendidikan," katanya.

Najib berkata, cabaran paling besar dihadapi negara ialah untuk melonjak daya saing supaya Malaysia tidak berada dalam kelompok negara dengan pencapaian sederhana tetapi di barisan depan dalam kemajuan era globalisasi.

Sehubungan itu, katanya, usaha besar ke arah meningkatkan daya saing, produktiviti dan inovasi negara harus dilaksanakan.

"Modal insan global yang kita ingin bina bergantung kepada mutu sistem pendidikan negara. Sehubungan itu, kerajaan berhasrat untuk menggerakkan usaha transformasi sistem pendidikan negara pada semua peringkat dari prasekolah hingga ke pengajian tinggi," katanya.

Najib berkata, keupayaan sektor pengajian tinggi negara meningkat sejak tertubuhnya Universiti Malaya (UM) sebagai universiti awam pertama negara pada 1961.

Namun, katanya, permintaan daripada individu yang layak melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi juga semakin ketara sehingga kerajaan tidak boleh hanya mengharapkan institut pengajian tinggi awam semata-mata.